

Kenyataan Dasar
Autoriti Monetari Brunei Darussalam
2/2016

Tarikh: 28 Disember 2016

Ekonomi Global

1. Ekonomi global masih mengalami pertumbuhan dan kadar inflasi yang rendah disebabkan kelemahan di kebanyakan negara-negara di seluruh dunia. Pasaran kewangan terus menunjukkan tren turun naik dengan ketidakpastian memainkan peranan utama. Normalisasi dasar monetari Amerika Syarikat masih diteruskan. Manakala, kebimbangan mengenai keadaan ekonomi China adalah semakin meningkat.

Perkembangan Ekonomi Negara Brunei Darussalam

2. Ekonomi domestik terus menghadapi tekanan daripada persekitaran ekonomi global yang lemah yang memberi kesan negatif kepada sektor minyak dan gas serta pendapatan kerajaan.
3. Harga pengguna bagi tempoh sepuluh bulan pertama tahun 2016 menurun 0.6% tahun-ke-tahun di mana Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi Oktober 2016 adalah -0.5% tahun-ke-tahun. Harga menurun bagi Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Bakar Lain; Makanan dan Minuman Ringan; Restoran dan Hotel; Perhubungan; Rekreasi dan Kebudayaan; dan Pengangkutan. Harga makanan global meningkat di mana Indeks Harga Makanan UNFAO meningkat sebanyak 10.4% tahun-ke-tahun pada November 2016. Kenaikan kadar harga makanan global mungkin akan berterusan pada tahun 2017. Bagi inflasi domestik, ianya dijangka meningkat pada tahun 2017 jika harga minyak global menunjukkan peningkatan daripada harga yang rendah pada tahun 2016.

Perkembangan Kewangan Negara Brunei Darussalam

4. Sebagai komitmen AMBD untuk melaksanakan *Basel Core Principles for Effective Banking Supervision* dan *Basel II* sebelum tahun 2020, AMBD telah mengeluarkan dua kertas perundingan kepada Persatuan Bank-Bank Brunei bagi mendapatkan pandangan mengenai (a) Kod Tadbir Urus Korporat (*Code of Corporate Governance*) khusus bagi bank-bank dan (b) Notis Peraturan mengenai Perlantikan *Key Responsible Persons* (KRP) di bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan. Amalan tadbir urus korporat yang betul di bank-bank adalah penting dalam memastikan sektor perbankan dan ekonomi secara keseluruhan akan berfungsi dengan teratur. Manakala, Notis Peraturan mengenai Perlantikan KRP di bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan pula memberi panduan terperinci tentang kriteria penilaian terhadap kelayakan dan kesesuaian lantikan KRP di bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan. Ini adalah selaras dengan keperluan di bawah Seksyen 8, Perintah Perbankan (2006) dan Perintah Perbankan Islam (2008) dan juga merupakan lanjutan kepada rangka kerja Tadbir Urus Korporat.
5. AMBD telah mengeluarkan satu direktif kepada bank-bank mengenai penyambungan penggunaan *Minimum Cash Balances (MCB)* bagi pengurusan kecairan kewangan harian (*Intraday Liquidity Maintenance*) di dalam sistem *Real-Time Gross Settlement (RTGS)* berikutan berakhirnya tempoh percubaan selama enam bulan mulai 11hb April 2016 yang lalu. Berdasarkan maklum balas yang positif dan sokongan daripada pihak bank, penggunaan MCB tersebut dilanjutkan secara tetap mulai 4hb Oktober 2016.
6. Dalam keadaan ekonomi yang mencabar, sektor perbankan terus berkembang pada kadar yang sederhana. Pada Oktober 2016, aset dan deposit industri perbankan masing-masing telah menunjukkan peningkatan sebanyak 3.0% dan 2.8% berbanding dengan Oktober 2015. Tren pertumbuhan kredit yang

kukuh pada suku sebelumnya telah didapati menurun di mana terdapat penurunan kredit sebanyak 7.1% tahun-ke-tahun kepada B\$5.6 bilion. Ini disebabkan oleh penurunan kredit yang diberikan kepada sektor pembuatan, telekomunikasi dan teknologi maklumat, infrastruktur dan perdagangan.

7. Secara keseluruhan, Penunjuk Kekukuhan Kewangan Utama bagi sektor perbankan adalah kekal pada tahap yang memuaskan walaupun kualiti aset dijangka merosot. Agregat Nisbah Kecukupan Modal pada Suku Ketiga 2016 adalah sebanyak 20.5%, dan ini telah melebihi keperluan minima 10% seperti yang dikehendaki di dalam Perintah Perbankan, 2006 dan Perintah Perbankan Islam, 2008. Agregat nisbah keuntungan *Return on Assets* dan *Return on Equity* adalah masing-masing sebanyak 1.1% dan 7.2% pada Oktober 2016. Agregat nisbah pembiayaan yang tertunggak bersih telah meningkat daripada 1.5% pada Oktober 2015 kepada 2.0% pada Oktober 2016 khususnya bagi sektor perniagaan seperti perkhidmatan, perdagangan dan pengangkutan. AMBD akan terus meningkatkan tahap usaha penyeliaan bagi memastikan langkah-langkah yang bersesuaian diambil oleh bank-bank untuk mengatasi tren ini, seperti mengukuhkan keberkesanan sistem pengurusan risiko kredit bank dan keperluan bagi setiap bank untuk membuat penambahan peruntukan (*provisions*) bagi pembiayaan yang tertunggak.
8. Di samping menjadi peneraju bagi penunjuk Mendapatkan Kredit di bawah inisiatif *World Bank Group Ease of Doing Business* (EODB), AMBD juga telah dilantik sebagai peneraju bagi penunjuk Melindungi Pelabur Minoriti (PMI). Sehubungan dengan itu, satu Jawatankuasa PMI telah ditubuhkan, yang terdiri dari pihak AMBD, Pendaftaran Syarikat-Syarikat dan Nama-Nama Perniagaan, Kementerian Kewangan (RoCBN) dan Darussalam Asset Sdn Bhd (DA). Sebahagian daripada tanggungjawab Jawatankuasa tersebut adalah untuk mengkaji dan menilai Akta Syarikat-Syarikat (Penggali 39) dengan undang-undang seumpamanya dari negara-negara lain yang telah menunjukkan prestasi yang amat baik dalam memberi perlindungan kepada pelabur-pelabur minoriti. Negara Brunei Darussalam adalah dalam senarai sepuluh negara

teratas yang menunjukkan pbaikan dalam EODB ranking yang dilaporkan dalam *Doing Business 2017* dengan beberapa pembaharuan kawal selia. Pembaharuan ini termasuk akses kepada maklumat kredit dan pengukuhan perlindungan pelabur minoriti.

9. Sistem Pendaftaran Cagaran (*Collateral Registry*) Negara Brunei Darussalam telah mula beroperasi pada 19hb Disember tahun ini. Ia adalah salah satu projek dalam inisiatif-inisiatif Negara Brunei Darussalam untuk EODB dalam memudahkan lagi akses kepada pembiayaan bagi orang ramai terutamanya perusahaan kecil dan sederhana (*SMEs*). Negara Brunei Darussalam merupakan salah sebuah negara yang pertama di rantau ini dalam memperkenalkan sistem ini yang mana semua harta alih akan didaftarkan di bawah Pejabat Pendaftaran Cagaran. Dengan pembaharuan tersebut, kesemua kepentingan cagaran seperti *Bill of Sales*, Caj Syarikat, sewa beli (*Hire Purchase*), *mortgages* bagi kapal yang berdaftar di bawah *Civil Aviation Order* dan *Merchant Shipping Order* akan didaftarkan di bawah Pendaftaran Cagaran yang tunggal ini. Pengenalan Pendaftaran Cagaran dijangka akan membantu merangsang pertumbuhan ekonomi dengan memudahkan akses kepada pembiayaan bagi peminjam, dan mengurangkan risiko dengan menjadikannya lebih mudah untuk pemberi pinjaman melindungi pinjaman yang diberikan. Ianya juga akan mengurangkan kos keseluruhan pinjaman terutamanya bagi peminjam yang lebih berisiko.

Perkembangan Masa Depan

10. Selain daripada objektif utama AMBD dalam mengekalkan dan mengukuhkan kestabilan kewangan, AMBD turut berperanan dalam menjana pertumbuhan ekonomi khususnya melalui *domestic consumption*. Ke arah itu, AMBD sedang meneliti semula had kadar-kadar pinjaman kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSME) dan kepada beberapa kemudahan-kemudahan kredit yang telah dikeluarkan pada Mac 2013.

11. Sebagai persediaan AMBD untuk melaksanakan rangka kerja Basel II-Pillar 1, AMBD telah mengeluarkan *template* laporan dan rangka kerja pengawalseliaan kepada bank-bank pada Disember 2016. Selepas menerima maklum balas daripada bank-bank, AMBD akan mengeluarkan Notis dan garispandu laporan yang telah dikemaskinikan kepada bank-bank bagi keperluan minima Nisbah Kecukupan Modal (*Capital Adequacy*) yang akan berkuatkuasa mulai pada suku pertama 2017. Rangka kerja Basel II ini berfungsi untuk memastikan bahawa bank-bank mempunyai dana modal yang mencukupi selaras dengan risiko profil bank.

12. AMBD juga akan akan melaksanakan beberapa inisiatif pada tahun hadapan untuk memperbaiki nisbah pembiayaan yang tertunggak bersih bank-bank. AMBD akan mengeluarkan garispandu baru mengenai pengurusan risiko kredit kepada bank-bank. Dengan pengeluaran garispandu ini, para penyelia akan dapat menilai sistem pengurusan risiko kredit bank sama ada ianya adalah mencukupi untuk aktiviti-aktiviti bank dan memastikan bank-bank menanamkan disiplin risiko-pulangan (*risk-return*) yang mencukupi dalam proses pengurusan risiko kredit mereka. Seterusnya, AMBD akan menubuhkan fungsi khusus bagi pemeriksaan *on-site* bagi memeriksa buku pembiayaan bank-bank dengan lebih kerap. Bagi memastikan proses pemeriksaan *on-site* berkenaan adalah berkesan bagi proses penyeliaan, AMBD juga akan membangunkan metodologi pemeriksaan *on-site*. Objektif utama metodologi pemeriksaan *on-site* ini adalah untuk menghasilkan penilaian berasaskan risiko bank yang objektif.

13. Pada tahun 2018, International Financial Reporting Standard (IFRS) 9 akan menggantikan International Accounting Standard (IAS) 39 bagi pengiktirafan kemerosotan (*impairment recognition*). IFRS 9 akan memerlukan bank-bank untuk membuat peruntukan yang berdasarkan 'kerugian yang dijangka' daripada 'kerugian yang ditanggung'. Oleh itu, IFRS 9 akan membuat bank lebih menyedari risiko-risiko yang dihadapi dan ini boleh mengurangkan nisbah pembiayaan yang tertunggak bersih.

14. AMBD merupakan ahli Jawatankuasa Pandu, Sekretariat dan Kumpulan Kerja bagi penubuhan Bursa Saham Brunei Darussalam. Kumpulan Kerja tersebut terdiri daripada tiga sub Kumpulan Kerja, iaitu Kumpulan Kerja Peraturan dan Undang-Undang (WGRR), Kumpulan Kerja Operasi dan Infrastruktur (WGOI), dan Kumpulan Kerja Promosi dan Pendidikan (WGPE). Kumpulan Kerja Peraturan dan Undang-Undang telah menyediakan draf pertama peraturan bursa saham, termasuk peraturan penyenaian terutamanya yang berkaitan dengan *publicly traded listed corporations* yang perlu disediakan dan dibincangkan dengan pihak-pihak yang berkenaan sebelum pelancaran bursa saham nanti. Kumpulan Kerja Operasi dan Infrastruktur juga telah selesai menyediakan keperluan tender bagi sistem Bursa Saham yang merangkumi fungsi sistem dan keperluan teknikal. Kumpulan Kerja Promosi dan Pendidikan telah menyediakan program-program latihan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai dengan bursa saham.

15. Kemajuan di bidang teknologi kewangan (*FinTech*) telah memperkenalkan model perniagaan, produk dan perkhidmatan baru yang telah menyumbang kepada peningkatan dalam pengalaman pelanggan dan nilai serta kecekapan dan pengurusan risiko institusi kewangan. Pada masa yang sama, FinTech sebagai teknologi baru boleh mendatangkan risiko yang tidak diduga. Oleh itu, AMBD akan membangunkan satu rangka kerja kawal selia yang kondusif untuk penggunaan FinTech dan pada masa yang sama akan mengambil tindakan-tindakan yang bersesuaian dalam menangani sebarang risiko mengenainya.

Sumber-sumber data:

Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Jabatan Perdana Menteri
Food and Agriculture Organization of the United Nations